

2016

# e-DAGANG




www.hasil.gov.my

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LHDNM/R17/16

17

## PENGENALAN

- e-Dagang adalah sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi rangkaian elektronik, termasuk aktiviti pemberian maklumat, promosi dan pengiklanan, pemasaran, pembekalan atau penghantaran barang atau perkhidmatan, meskipun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi ini mungkin dijalankan di luar talian
- Individu / syarikat yang menjalankan perniagaan dan aktiviti e-Dagang dikenakan cukai pendapatan di Malaysia berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967

## MEDIUM e-DAGANG

- Laman sesawang (.com, .my, .net, blog, facebook, instagram, twitter, forum, dll)
- Telefon bimbit dan tablet

## TANGGUNGJAWAB PENIAGA e-DAGANG DAN PEMILIK LAMAN WEB

- Setiap peniaga dan pemilik laman web mesti mempunyai nombor cukai pendapatan
- Melaporkan pendapatan / kerugian yang diterima daripada aktiviti perniagaan dan aktiviti e-Dagang
- Melengkapkan dan menghantar Borang e-B secara **e-Filing**
- Jika perniagaan adalah perkongsian:
  - Isi dan hantar Borang e-P melalui **e-Filing** (tanggungjawab ahli kongsi utama)
  - Hantar Borang e-P tanpa akaun perkongsian
  - Maklumat secara bertulis sekiranya perkongsian tamat / ditukar kepada milikan tunggal / syarikat sendirian berhad
- Membuat bayaran cukai (**ByrHASiL**)
- Peniaga e-Dagang wajib memaparkan maklumat perniagaan seperti nama perniagaan, nombor pendaftaran dan lain-lain di laman sesawang. (Akta Syarikat 1965, Seksyen 121(1)(b) dan Peraturan - peraturan Perlindungan pengguna [urusniaga perdagangan elektronik] 2012)

## DOKUMEN DAN REKOD YANG PERLU DISIMPAN

- Penyata dari *payment gateway* (Paypal, ipay88, MOL, dll)
- Perbelanjaan domestik dan persendirian
- Penyata bank
- Penyata pendapatan daripada syarikat pengiklanan (seperti Nuffnang, Google Adsense, dll)
- Invois jualan dan rekod belian
- Pengesahan jualan dan belian melalui e-mel, dll
- Dokumen perjanjian
- Resit asal bagi setiap pelepasan / belanja yang dituntut, dll

Dokumen, rekod dan akaun perniagaan perlu disimpan selama 7 tahun



/LHDNM



/LHDNM



/LHDNM



1-800-88-5436 (LHDN)

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

## PERBELANJAAN PERNIAGAAN

### DIBENARKAN

Perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan  
Contoh:

- Kos kemaskini laman sesawang
- Bayaran konsultan laman sesawang
- Bayaran pembaharuan nama domain
- Internet akses
- Peralatan telekomunikasi, modem
- Sewa server
- Utiliti

### TIDAK DIBENARKAN

- Perbelanjaan domestik dan persendirian  
Contoh:

- Bil elektrik dan bil air rumah kediaman

- Perbelanjaan beli aset peribadi  
Contoh:

- Kereta
- Rumah
- Perabot

## ELAUN MODAL

Potongan elaun modal atas aset perniagaan boleh dituntut dan ditolak selepas pengiraan pendapatan larasan

## KADAR ELAUN MODAL

JENIS ELAUN	JENIS ASET	KADAR
Elaun Permulaan	Semua jenis aset	20 %
Elaun Tahunan	Kenderaan bermotor, jentera berat	20 %
	Loji dan jentera	14 %
	Peralatan pejabat, perabot dan lengkap	10 %
	Komputer	40 %

## SKOP PENGENAAN CUKAI

PEMASTAUTIN	OPERASI PERNIAGAAN		LAMAN SESAWANG DITEMPATKAN		PENDAPATAN PERNIAGAAN e-DAGANG DITERIMA DI MALAYSIA DAN DIKENAKAN CUKAI
	MALAYSIA	LUAR MALAYSIA	MALAYSIA	LUAR MALAYSIA	
Cawangan	✓		✓		YA
	✓			✓	YA
	✓	Cawangan			Pendapatan syarikat yang terbit dari operasi dijalankan di Malaysia dikenakan cukai, manakala pendapatan dari jualan menerusi laman sesawang diperolehi dari operasi perniagaan cawangan di luar Malaysia tidak dikenakan cukai
			✓		TIDAK
			✓	✓	TIDAK
	✓		✓		YA
	✓			✓	TIDAK
	✓		✓	✓	YA
	✓			✓	TIDAK
			✓	✓	Pendapatan syarikat yang beroperasi di luar Malaysia tidak dikenakan cukai, manakala pendapatan e-Dagang yang diperolehi dari perniagaan cawangan di Malaysia dikenakan cukai
				✓	Pendapatan syarikat yang beroperasi di luar Malaysia tidak dikenakan cukai, manakala pendapatan e-Dagang yang diperolehi dari perniagaan cawangan di Malaysia dikenakan cukai

Perniagaan – Berupa perkilangan / penjualan / perkhidmatan

Produk – Berupa ketara / tidak ketara

Laman sesawang – Mengenalpasti / menjawab soalan / tempahan / bayaran / penghantaran atas talian

Produk ketara – Dihantar melalui saluran penghantaran biasa

Aktiviti perniagaan termasuklah mendapatkan kandungan laman sesawang / pemerolehan barang / promosi dan pengiklanan / jualan / penghantaran produk / mengemaskini laman sesawang / lain-lain

**HASIL** Teman Keceriaan Anda